

RINGKASAN SIARAN AKHBAR HARIAN ASIANET DARI HARI ISNIN, 4 FEB HINGGA SELASA, 5 FEB.

AsiaNet-Siaran

05 FEB 2002

Sydney, 5 Feb., AsiaNet / --

PEMIMPIN TUDUH

NEW YORK: Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad hari ini menuduh ulama Islam yang menyimpang kerana memutar belitkan asas-asas Islam untuk tujuan politik mereka sendiri. Pada Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia 2002 beliau menggesa umat Islam untuk menolak ajaran yang disifatkan sebagai "ulama politik" itu, yang katanya hanya mahir mengenai bahagian tertentu di dalam agama Islam yang kononnya menyokong pendapat politik mereka.

* Sila lihat siaran lain mengenai Forum Dunia pada alamat www.asianetnews.com

UCAPAN DASAR

TOKYO: Satu siaran media Kerajaan Jepun berkata Perdana Menteri Junichiro Koizumi telah menyampaikan satu Ucapan Dasar pada Sesi ke-154 Parlimen. Dalam Ucapan Dasarnya, Perdana Menteri menyampaikan maksudnya dengan jelas, dengan berkata, "Pembaharuan struktur sedang membuat kemajuan ke hadapan. Pelbagai pembaharuan telah dimulakan, termasuk pembaharuan berhubung institusi khas awam dan pembaharuan kawal selia. Kami telah merumuskan belanjawan yang diperlukan.

LAPORAN PENYELIDIKAN

HONG KONG: Perunding hartanah antarabangsa, Vigers Hong Kong, hari ini mengeluarkan laporan penyelidikannya yang terbaru untuk suku tahun keempat 2001. CEO Gareth Williams berkata: "Ekoran tragedi 11 September ia banyak menjejaskan pasaran.., terutama dalam keadaan ekonomi di Hong Kong dan tempat lain. Berikut lebih banyak berita yang bersifat optimistik disalurkan dari Amerika Syarikat kami melihat ada tanda-tanda kestabilan di dalam sektor kediaman dan runcit semasa suku tahun pertama 2002."

TINJAUAN PENGURUS

MELBOURNE: Satu tinjauan baru mengenai pengurus-pengurus Australasia, yang dimajukan oleh Mt. Eliza Business School, telah mengukuhkan lagi perbezaan generasi utama di dalam sikap dan stail kepimpinan dan menonjolkan satu kegagalan kronik untuk 'bergerak pada perbincangan kepimpinan'. 'Baby-boomers' kini lebih sibuk dengan imbalan kerja berbanding dengan kumpulan umur yang lain, dan jantung amat mempengaruhi tingkah laku di tempat kerja, menurut satu kenyataan akhbar dari Business School.

BANK DILANTIK

OHIO: American Electric Power hari ini mengumumkan pelantikan bank pelaburan ABN AMRO Australia untuk menasihatkan AEP mengenai prospek bagi pelaburan CitiPower, anak syarikat penjualan runcit dan pengedaran elektrik AEP di Melbourne, Australia.

PERNIAGAAN ELEKTRONIK

MICHIGAN: Visteon hari ini mengumumkan satu perjanjian muktamad dengan Autoliv, Inc. untuk menjual perniagaan Restraint Electronics miliknya. Penjualan itu termasuk buku pesanan Visteon Amerika Utara dan Eropah bernilai kira-kira \$AS150 juta dalam penjualan tahunan kepada Ford Motor Company dan syarikat gabungannya, termasuk operasi pengeluaran bersekutu di Markham, Ontario, selain aset dan liabiliti yang berkaitan. Operasi Visteon di Hiroshima tidak termasuk

di dalam penjualan itu.

PERKHIDMATAN KOMUNIKASI

CALIFORNIA: Pembekal penyelesaian komunikasi termaju, iTelco Communications, Inc., hari ini mengumumkan bahawa NTT Worldwide Telecommunications Corporation (NTT-WT), sebuah anak syarikat milik sepenuhnya NTT Communications, telah memilih platform kerjasama dan persidangan gred pembawa iTelco, IPC, untuk menjanakan Perkhidmatan ClearConference NTT-WT yang baru dilancarkan.

PELANCARAN PRODUK

MONTREAL: Cimmetry Systems, syarikat penyelesaian visual dan usahasama bagi A/E/C, pasaran kejuruteraan, pengeluaran dan elektronik, hari ini mengumumkan bahawa AutoVue 16 kini siap untuk pengiriman. Keluaran baru itu membawa 'view' dan 'markup' ke tahanan yang baru dengan menyediakan ciri-ciri baru yang menyeluruh dan pelbagai peningkatan...' menurut syarikat itu.

KEPUTUSAN KEWANGAN

TORONTO: Sun Life Financial Services dari Canada Inc. hari ini melaporkan pendapatan bersih pemegang saham sebanyak \$253 juta bagi suku tahun yang berakhir 31 Disember, 2001, satu peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding \$211 juta yang diperolehi pada suku tahun keempat tahun 2000. Perolehan bagi setiap saham sebanyak 59 sen meningkat 18 peratus dari 50 sen bagi setiap saham pada suku tahun keempat setahun yang lalu.

PEROLEHAN SUKU TAHUN

TOKYO: Crayfish Co., sebuah pembekal perkhidmatan hos e-mel dan perkhidmatan internet lain yang berkaitan bagi syarikat bersaiz kecil dan sederhana, hari ini mengumumkan keputusan suku tahun pertama yang menunjukkan pendapatan bersih yang positif, aliran tunai yang positif dan margin keuntungan yang lebih tinggi.

(AsiaNet adalah sebuah konsortium terdiri daripada agensi-agensi berita terkemuka yang mengedarkan siaran akhbar yang tidak diedit dan yang diterjemahkan bagi pelanggan di seluruh dunia. Hubungi : www.asianet.com.au untuk mendapatkan versi teks yang lengkap).

DIKELUARKAN OLEH ASIANET

TARIKH SIARAN : 5 FEB, 2002

DIKELUARKAN OLEH BERNAMA PRWIRE MALAYSIA*GLOBAL